

Artikel

**Daya Tahan Usahawan Program Agropreneur Muda Terengganu Berdasarkan Perspektif Pegawai Pelaksana**

*(Entrepreneur Resilience In The Young Agropreneur Program In Terengganu Based On The Perspective Of Implementation Officers)*

Siti Aishah Sudin, Siti Hajar Kamaruddin\* & Roslina Ismail

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu (UMT),  
21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

\*Pengarang Koreponden: [s.hajar@umt.edu.my](mailto:s.hajar@umt.edu.my)

Diserah: 25 Jun 2024

Diterima: 20 November 2024

**Abstract:** Kadar pengangguran dalam kalangan belia telah menjadi kebimbangan negara pada masa kini. Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengurangkan pengangguran dalam kalangan belia melalui bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun, majoriti usahawan belia dilihat tidak dapat bertahan dalam jangka masa yang panjang dalam menjalankan perniagaan mereka. Tambahan pula, literatur berkaitan daya tahan dalam bidang keusahawanan terutamanya pertanian masih terhad. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan cabaran usahawan agro belia Program Agropreneur Muda (PAM) negeri Terengganu dalam menjalankan perusahaan agro berdasarkan perspektif pegawai pelaksana. Kajian ini turut dilaksanakan bagi mengkaji faktor pelindung yang menyumbang kepada daya tahan usahawan agro belia. Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif melalui kaedah temubual separa berstruktur terhadap lapan orang informan yang terdiri daripada pegawai pelaksana PAM negeri Terengganu. Manakala data temu bual kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima cabaran utama yang dihadapi oleh usahawan agro belia PAM iaitu prosedur dan kepatuhan yang kompleks, kekangan kewangan, ketidakstabilan harga pasaran, sikap kebergantungan terhadap bantuan kerajaan, dan peluang pekerjaan lain yang lebih menarik dan berpatutan. Walau bagaimanapun, faktor pelindung dalaman dan luaran telah membantu usahawan untuk terus berdaya tahan dan kekal dalam perniagaan mereka. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai rujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung untuk memperbaiki dan merangka inisiatif serta dasar yang lebih berkesan untuk meningkatkan daya tahan usahawan agro belia di dalam sektor ini.

**Kata kunci:** Daya tahan; Usahawan belia; Program Agropreneur Muda; cabaran; faktor pelindung

**Abstract:** The unemployment rate among youth has become a national concern. The government has taken steps to reduce youth unemployment through entrepreneurship. However, the majority of young entrepreneurs are observed to struggle to sustain their businesses in the long term. Additionally, literature on resilience in entrepreneurship, particularly in agriculture, remains limited. Therefore, this study aims to discuss the challenges faced by young agro-entrepreneurs under the Young Agropreneur Program (PAM) in Terengganu in managing their agro enterprises, from the perspective of implementing officers. This study also examines the protective factors contributing to young agro-entrepreneurs' resilience. A qualitative approach is used in this study, through semi-structured interviews with eight informants comprising PAM implementing officers in Terengganu. The interview data are analyzed using thematic analysis. The study finds that there are five

main challenges faced by young PAM agro-entrepreneurs: complex procedures and compliance, financial constraints, market price instability, dependence on government assistance, and the attraction of other more appealing and reasonable employment opportunities. However, internal and external protective factors have helped entrepreneurs remain resilient and sustain their businesses. The findings of this study are expected to serve as a reference for all parties involved, directly or indirectly, in improving and formulating more effective initiatives and policies to enhance the resilience of young agro-entrepreneurs in this sector.

**Keywords:** Resilience; Young entrepreneur; Young Agropreneur Program; challenges; protective factors

## Pengenalan

Belia adalah aset bagi setiap negara dalam memastikan kelangsungan dan pembangunan negara yang positif pada masa hadapan. Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mentafsirkan belia sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 24 tahun. Namun, Dasar Belia Malaysia (DBM) telah mendefinisikan belia sebagai individu yang berusia di antara 15 hingga 30 tahun (Kementerian Belia dan Sukan, 2015). Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar untuk membina belia termasuklah DBM yang digunapakai sehingga hari ini dalam memupuk dan memperkasa golongan belia. DBM berfungsi sebagai sebuah rangka kerja yang komprehensif bagi membimbing pembangunan belia di Malaysia. Dasar ini juga menjadi rujukan utama kepada semua pemegang taruh yang terlibat dalam usaha membangunkan belia secara positif tidak kira di peringkat penggubal mahupun pelaksana.

Kadar pengangguran telah menunjukkan penurunan sebanyak 0.2 peratus iaitu daripada 3.9 peratus kepada 3.4 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Walau bagaimanapun, pengangguran dalam kalangan belia berada pada tahap yang membimbangkan dengan kadar pengangguran sebanyak 10.7 peratus berbanding jumlah keseluruhan kadar pengangguran di negara ini (Syajaratul Huda, 2019). Rentetan itu, pelbagai alternatif dan program berteraskan belia telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi kadar pengangguran di negara ini antaranya menerusi bidang keusahawanan. Hal ini kerana keusahawanan adalah inisiatif utama bagi setiap negara yang berhadapan dengan masalah pengangguran dan menginginkan penyelesaian yang lebih efektif di samping meningkatkan ekonomi negara (Salwani & Mohd Safarin, 2023).

Sektor pertanian memainkan peranan yang penting sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sektor ini mampu menyediakan peluang pekerjaan terutamanya di kawasan luar bandar sekaligus menjana pendapatan rakyat dan negara hasil daripada aktiviti eksport komoditi tersebut (Food and Fertilizer Technology Center for the Asian and Pacific Region, 2022). Namun demikian, statistik menunjukkan bahawa hanya 15 peratus daripada jumlah keseluruhan belia iaitu 14.6 juta orang sahaja yang terlibat dalam bidang pertanian dengan 4 peratus berpendidikan tinggi yang mempertimbangkan bidang pertanian sebagai bidang kerjaya utama mereka (Mohd Zaini, 2021).

Antara usaha kerajaan untuk meningkatkan keterlibatan belia dalam bidang pertanian adalah melalui Program Agropreneur Muda (PAM). PAM merupakan satu program pemberian bantuan atau dana berjumlah RM 20,000 yang dikenali sebagai Geran Agropreneur Muda bagi mereka yang layak. PAM menyasarkan warganegara kategori belia dalam lingkungan umur antara 18 hingga 40 tahun dengan harapan dapat menarik minat lebih ramai golongan belia untuk menceburi bidang pertanian. Skop pelaksanaan PAM tidak hanya terhad kepada bidang penanaman sahaja malah turut melibatkan aktiviti perikanan, penternakan, industri makanan dan asas tani, serta agroteknologi (Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan, n.d.). Namun, kerjaya sebagai seorang usahawan terutamanya dalam bidang pertanian adalah tidak mudah. Menurut Pramesti dan Prihastiwati (2019), setiap usahawan perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran dan risiko dalam menjalankan serta membangunkan perniagaan mereka seperti persaingan yang tinggi, muflis, dan pendapatan yang tidak stabil. Tambahan pula, hanya 20 peratus daripada jumlah keseluruhan usahawan belia sahaja yang mampu untuk bertahan dalam perniagaan walaupun pelbagai bantuan dan sokongan daripada kerajaan telah diberikan (Ridzwan et al., 2017).

Hal ini kerana, setiap individu mempunyai tahap daya tahan yang berbeza apabila berhadapan dengan sesuatu risiko atau cabaran terutamanya dalam perniagaan yang melibatkan aspek kewangan. Sesetengah

usahawan mungkin akan menggulung tikar dan berputus asa selepas mengalami kegagalan dalam perniagaan manakala usahawan lain mungkin dapat mencipta dan membangunkan semula perniagaan mereka daripada kegagalan tersebut dengan mudah atas beberapa faktor yang positif (Hoe & Janssen, 2021). Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor pelindung dalaman dan luaran yang menyumbang kepada daya tahan usahawan belia dalam menjalankan perusahaan agro. Peningkatan daya tahan usahawan muda agro bukan sahaja akan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara malah penglibatan lebih ramai golongan belia dalam bidang ini akan tercapai. Oleh itu, kerajaan dan usahawan serta agensi yang terlibat boleh mengambil tindakan awal bagi mengatasi cabaran tersebut. Dengan itu, diharapkan kajian ini akan dapat menyumbang kepada peningkatan daya tahan usahawan agro muda khususnya di Terengganu.

## Sorotan Literatur

### 1. Daya Tahan

Perkataan daya tahan (*resilience*) berasal daripada bahasa Latin yang merujuk kepada “melompat” atau “melantun” (Brunetta et al., 2019). Daya tahan yang dimiliki oleh seseorang individu dapat membantu mereka untuk berhadapan dengan sebarang kesukaran melalui interaksi dinamik terhadap persekitarannya (Botou et al., 2017). Menurut Wolin dan Wolin (1993), daya tahan merujuk kepada kemampuan individu mengurangkan impak tingkah laku negatif yang timbul akibat daripada tekanan seterusnya mampu bertahan dan membina semula diri daripada kesan negatif tersebut. Konsep daya tahan pertama kali digunakan dalam kajian yang dilaksanakan oleh Holling pada tahun 1973 bertajuk “*Resilience and Stability of Ecological Systems*” (Saikia et al., 2022). Sejak daripada itu, konsep tersebut telah digunapakai secara meluas oleh pengkaji-pengkaji lain. Menurut Peeters et al. (2022) pula, konsep daya tahan telah digunakan dalam pelbagai bidang kajian termasuklah kesihatan, pemulihan, dan pembangunan, namun, majoriti penyelidikan berkaitan daya tahan lebih banyak dilaksanakan dari sudut pandang psikologi kesihatan.

Dalam konteks kajian ini, daya tahan merujuk kepada keupayaan usahawan agro belia menangani, menyesuaikan diri, dan pulih daripada cabaran atau kesukaran yang dihadapi sepanjang menjalankan perusahaan agro. Keupayaan ini didorong oleh kemampuan usahawan agro untuk beradaptasi secara positif terhadap persekitarannya ketika berhadapan dengan cabaran yang secara tidak langsung akan mempengaruhi prestasi perniagaan mereka. Daya tahan dalam konteks pertanian merujuk kepada keupayaan usahawan untuk merancang, menyerap, pulih, dan lebih berjaya beradaptasi serta transformasi ke arah yang lebih positif sebagai tindak balas kepada peristiwa yang membawa kepada kerugian (Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi, 2016).

### 2. Cabaran Usahawan Agro Belia

Menurut Tallaksen (2021), sektor pertanian sering berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti perubahan berterusan dalam produk yang dibekalkan, cuaca, program pertanian, pasaran, dan perubahan dalam komuniti pertanian serta masyarakat umum. Ayu et al. (2021) melihat kepada persepsi risiko usahawan muda dalam perniagaan permulaan sektor pertanian yang merangkumi risiko pengeluaran, pemasaran, kewangan, dan sumber manusia. Risiko pengeluaran berkaitan dengan input pengeluaran, iklim, penggunaan teknologi, serangga, dan penyakit tanaman. Sebagai contoh, Malaysia sering terdedah kepada bencana alam seperti banjir, kemarau, perubahan iklim, dan tanah runtuh. Sektor pertanian adalah sektor yang paling terjejas dan petani perlu menanggung kerugian yang besar akibat bah yang melanda. Jumlah kerugian yang perlu ditanggung oleh seramai 6,797 petani terhadap 8,322 hektar tanah pertanian yang terjejas dianggarkan mencecah hampir USD 19 juta ketika banjir yang melanda pada Disember 2006 (Alam et al., 2020).

Risiko dalam pemasaran pula merujuk kepada proses selepas menuai iaitu penjualan dan harga pasaran. Hasil pertanian import yang tinggi telah mendorong kepada ketidakstabilan harga pasaran menyebabkan harga pasaran bagi sektor pertanian tempatan menjadi rendah dan tidak menentu (Norasibah et al., 2014). Seterusnya, risiko kewangan yang dinilai melihat kepada faedah dan ketersediaan kredit. Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Napp (2011) yang mendapati bahawa risiko kewangan merujuk kepada akses kepada kewangan. Kekurangan akses kewangan merupakan antara jenis risiko kewangan yang

merupakan cabaran utama kepada pertumbuhan perniagaan (Steinerowska-Streb, 2014). Risiko sumber manusia adalah berkaitan dengan ketersediaan tenaga buruh dalam menjalankan perniagaan agro dan tahap kesihatan pekerja. Manakala dapatan kajian oleh Ayu et al. (2021) turut mendapati bahawa umur dan kegagalan lepas dapat mempengaruhi persepsi usahawan agro belia terhadap risiko dalam perniagaan agro.

Awang et al. (2010) menyenaraikan tujuh dimensi risiko yang perlu dihadapi usahawan agro belia di mana antaranya melibatkan modal, kelemahan sokongan institusi awam, tanah untuk tujuan pertanian, dan ketidakstabilan ekonomi tempatan. Sikap usahawan agro belia yang terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan turut mempengaruhi kejayaan atau kegagalan perniagaan mereka (Awang et al., 2010). Pendapat ini disokong dengan dapatan kajian Komarek et al. (2020a) di mana sebanyak 3,283 buah kajian semakan yang diterbitkan di antara tahun 1974 hingga tahun 2019 menunjukkan terdapat satu atau lebih risiko dalam bidang pertanian iaitu risiko pengeluaran, pasaran, institusi, peribadi, dan kewangan. Pengurusan risiko yang bijak dan keupayaan untuk beradaptasi dengan perubahan-perubahan dalam persekitaran perniagaan adalah faktor-faktor penting yang dapat membantu usahawan agro belia mengatasi cabaran-cabaran tersebut sekaligus berdaya tahan dalam bidang pertanian.

### 3. Faktor Pelindung Daya Tahan Usahawan Agro Belia

Keupayaan usahawan agro belia untuk berdaya tahan dalam sektor pertanian didorong oleh pelbagai faktor pelindung. Faktor pelindung ditafsirkan sebagai elemen-elemen yang dimiliki oleh individu bagi menghadapi dan mengurangkan risiko (Hawkins et al., 1992). Menurut Windle (2011) pula, faktor pelindung merujuk kepada atribut-atribut yang menentukan ketahanan. Kajian oleh Ozbay et al. (2007) mendapati bahawa sokongan daripada kumpulan sosial seperti ibu bapa dan rakan mampu bertindak sebagai faktor pelindung dengan meningkatkan daya tahan, mengurangkan pengaruh negatif, dan meningkatkan kesejahteraan psikologi usahawan. Usahawan yang berjaya dalam kerjaya mereka merupakan individu yang berkembang dalam suasana sokongan sosial yang tinggi yang seterusnya mendorong kepada ketahanan yang lebih baik dalam menghadapi cabaran (Duchek, 2018). Persekitaran seperti ini juga mampu meningkatkan keyakinan dan minat serta memberi dorongan kepada usahawan untuk meneruskan keterlibatan mereka dalam aktiviti keusahawanan (Wu & Rong, 2011).

Menurut Richardson (2002), terdapat dua jenis faktor pelindung yang mampu mempengaruhi daya tahan seseorang iaitu faktor pelindung dalaman dan luaran. Faktor pelindung dalaman boleh meliputi beberapa aspek seperti emosi, kesihatan, pemikiran kritis, dan penetapan matlamat manakala faktor luaran pula meliputi aspek sokongan sebagai elemen penting bagi memperkukuh daya tahan (Turner & Holdsworth, 2023). Berbeza dengan Mastura et al. (2023), faktor dalaman merujuk kepada sikap usahawan agro terhadap tingkah laku (Abdul Aziz & Norhlilmatus, 2013), kawalan tingkah laku yang dirasai (Asliza et al., 2018), dan pengetahuan atau kemahiran (Mupfasoni et al., 2018; Nor Amna A'liah et al., 2015). Sebaliknya, faktor luaran melibatkan sokongan keluarga (Abdul Aziz & Norhlilmatus, 2013), masyarakat, kerajaan (Mupfasoni et al., 2018; Abdul Aziz & Norhlilmatus, 2013; Harniati & Anwarudin, 2018; & Alireza & Mastura, 2019), dan rangkaian sosial terhadap usahawan agro. Kajian oleh Siti Hajar et al. (2017) pula mendapati bahawa faktor pelindung luaran terhadap daya tahan usahawan muda ialah hubungan baik dengan rakan sebaya, sokongan daripada pengajar, hubungan antara golongan belia dan dewasa, dan sokongan dalam pengurusan perniagaan agro. Kehadiran faktor pelindung sepanjang proses perkembangan belia mampu melahirkan belia yang berdaya tahan (Siti Hajar et al., 2016).

### 4. Program Agropreneur Muda

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menganjurkan PAM di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). PAM dilancarkan dengan objektif utamanya adalah untuk mengubah persepsi golongan muda terhadap sektor pertanian, meningkatkan penglibatan dan membantu usahawan muda berasaskan aktiviti pertanian merangkumi semua aktiviti yang terlibat dalam rangkaian nilai industri pertanian seperti ternakan, tanaman, perikanan, dan industri asas tani. PAM telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi mencapai objektif tersebut termasuklah pemberian latihan kemahiran, bantuan kewangan, dan sokongan infrastruktur. Ramai sarjana menyatakan bahawa program keusahawanan berasaskan pertanian mampu

meningkatkan pembangunan ekonomi sesebuah negara dengan menjana pekerjaan kepada penduduk tempatan dan secara tidak langsung akan menyumbang kepada keterjaminan makanan negara (Bairwa et al., 2014; Mujuru, 2014; & Rajaei et al., 2011).

Kajian oleh Suhaya dan Mohd Mursyid (2022), mendapati bahawa PAM telah memberikan sumbangan yang penting terhadap perkembangan kemahiran usahawan muda dalam bidang pertanian. Hal ini merangkumi peningkatan pengetahuan dalam pengurusan perniagaan, pembangunan kemahiran praktikal, imej diri, dan pembentukan rangkaian perniagaan yang efektif. Atikah et al. (2020a) pula telah menjalankan kajian terhadap seramai 289 responden yang merupakan agropreneur muda PKS dan juga peserta PAM. Kajian tersebut mendapati bahawa majoriti agropreneur muda yang berjaya dalam perniagaan mereka mempunyai tahap pendidikan yang tinggi seperti Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Usahawan yang berjaya tersebut memulakan perniagaan mereka dengan hanya bermodalkan antara RM25,001 hingga RM30,000 sahaja. Mereka juga bergiat aktif dalam aktiviti pengeluaran hasil termasuk tanaman, ternakan, dan perikanan. Selain itu, terdapat faktor dalaman dan luaran yang menyumbang kepada kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda di Malaysia. Faktor dalaman merangkumi pemikiran, sikap, kemahiran, dan nilai agama keusahawanan tersebut manakala faktor luaran pula ialah sokongan daripada pihak kerajaan (Atikah et al., 2020b). Menurut Norshamliza et al. (2022), pandemik COVID-19 secara tidak langsung telah membawa manfaat kepada negara yang secara tidak langsung telah meningkatkan minat dan keterlibatan generasi muda dalam bidang pertanian. Secara ringkas, PAM telah membantu usahawan muda untuk menghasilkan pendapatan dan mencipta peluang pekerjaan khususnya dalam sektor pertanian. Berdasarkan kajian lepas oleh Shahrien et al. (2024), faktor individu dan persekitaran telah menjadi faktor utama dalam menentukan tahap penglibatan belia dalam keusahawanan yang mengandungi 6 elemen seperti peluang, sikap, dan sokongan serta galakan.

## 5. Kerangka Teoritikal Kajian

### *Teori Daya Tahan*

Menurut Shean (2015), Norman Garnezy iaitu seorang ahli psikologikal klinikal merupakan pengasas kepada kajian berkaitan daya tahan. Kajian oleh Garnezy lebih memfokuskan kepada bidang psikologi seperti gangguan mental, tekanan, dan daya tahan. Garnezy mendefinisikan daya tahan sebagai sesuatu tindakan yang tidak semestinya dipengaruhi oleh tekanan tetapi adalah dirancang bagi mencerminkan kemampuan dan perilaku adaptif yang tetap dipertahankan yang mungkin berlaku setelah berhadapan dengan situasi ketidakmampuan berhadapan dengan situasi tersebut (Garnezy, 1991). Teori ini memfokuskan kepada faktor faktor positif merangkumi kontekstual, sosial dan individu atau turut dikenali sebagai faktor penggalak yang dapat mengganggu atau mengubah jalur perkembangan sesuatu perkara yang berisiko (Zimmerman, 2013). Terdapat dua jenis faktor penggalak iaitu sumber dan aset (Fergus & Zimmerman, 2005). Sumber merujuk kepada faktor positif dalaman manakala aset ialah faktor positif luaran individu seperti sokongan keluarga, mentor, dan program. Faktor penggalak tersebut secara keseluruhannya mampu mendorong kepada perkembangan positif individu walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran mendatang.

### *Teori Sistem Ekologi*

Urie Bronfenbrenner merupakan pengasas kepada teori sistem ekologi yang menunjukkan bahawa persekitaran mempunyai keupayaan dalam memberi impak yang signifikan terhadap tindakan dan perkembangan psikologi individu (Xue, 2012). Menurut Bronfenbrenner (1979), teori sistem ekologi menyatakan bahawa perkembangan individu dan ekosistem adalah saling berhubungkait. Oleh itu, pertumbuhan individu mencerminkan sistem persekitaran tersebut. Terdapat lima sistem yang telah dikenalpasti dalam teori ini bagi melihat sejauh mana persekitaran mampu mempengaruhi pertumbuhan individu seperti Sistem Mikro, Meso, Ekso, Makro, dan Krono. Sistem Ekso telah menjadi tumpuan pengkaji bagi menjalankan kajian ini. Sistem Ekso yang berada di lapisan ketiga dalam teori ini melibatkan struktur formal dan tidak formal seperti situasi ekonomi ibu bapa, media massa, dan agensi kerajaan. Pengkaji lebih

memfokuskan kepada pengaruh dan keberkesanan program yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti PAM sebagai faktor pelindung luaran usahawan PAM.

## Metodologi

### 1. Reka Bentuk Kajian

Kajian kualitatif generik telah digunakan untuk mengenalpasti cabaran dan faktor pelindung yang menyumbang kepada daya tahan usahawan agro belia PAM dalam menjalankan perniagaan agro mereka. Reka bentuk kajian ini juga dikenali sebagai kajian kualitatif asas atau tafsiran (Merriam & Tisdell, 2016). Kajian ini melibatkan pandangan individu, sikap, kepercayaan, atau refleksi mereka terhadap sesebuah pengalaman (Percy et al., 2015). Pemeriksaan yang mendalam dan refleksi dalaman diperlukan untuk memahami fenomena sosial yang kompleks (Hill & Knox, 2021). Penyelidikan kualitatif pada dasarnya bermula dengan penyelidikan kualitatif generik, dan pendekatan lain yang dipilih hanyalah sebagai dimensi tambahan (Merriem & Tisdell, 2016). Oleh itu, pengkaji memilih reka bentuk kajian ini untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai situasi yang dikaji daripada perspektif informan kajian yang telah dipilih berdasarkan pengalaman mereka dalam mengendalikan usahawan PAM.

### 2. Kaedah Pemilihan Sampel

Persampelan yang terdiri daripada saiz sampel dan reka bentuk kajian adalah asas penting dalam setiap penyelidikan kualitatif (Omona, 2013). Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana sampel kajian dipilih berdasarkan ciri-ciri yang telah ditentukan oleh pengkaji untuk tujuan yang berkaitan dengan kajian (Andrade, 2021) dan juga mampu memberikan maklumat yang sesuai dengan kajian yang dijalankan (Kelly, 2010). Sampel yang dipilih oleh pengkaji merupakan pegawai pelaksana atau '*desk officer*' PAM yang melibatkan seramai lapan orang pegawai dari setiap pejabat pertanian daerah di negeri Terengganu. Sampel tersebut dipilih oleh pengkaji kerana mereka mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan usahawan PAM hasil daripada proses pemantauan dan pemberian bantuan yang diperlukan oleh usahawan PAM tersebut.

### 3. Instrumen Kajian

#### *Temubual*

Kaedah temubual digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada informan yang telah dipilih secara sukarela. Pengkaji memilih kaedah temubual kerana ia membolehkan informan untuk menjelaskan soalan yang diutarakan oleh pengkaji dengan kata-kata mereka sendiri menggunakan kefahaman dan tafsiran mereka terhadap dunia (Knott et al., 2022). Terdapat tiga jenis kaedah dalam temubual iaitu berstruktur, separa berstruktur, dan tidak berstruktur (Stuckey, 2016). Dalam kajian ini, kaedah temubual separa berstruktur telah digunakan oleh pengkaji. Temubual separa berstruktur merupakan temubual mendalam di mana soalan yang akan diajukan oleh pengkaji adalah terbuka dan perlu dijawab oleh informan (Jamshed, 2014). Temubual ini hanya dilakukan sekali sahaja bersama informan yang telah dipilih dan secara umumnya sesi temubual tersebut mengambil masa selama 30 minit hingga satu jam (Corbin & Strauss, 2008).

Pengkaji telah merakam suara bagi setiap sesi temubual bersama lapan orang informan tersebut selepas mendapatkan kebenaran daripada mereka. Sebelum pengumpulan data kajian dilaksanakan, pengkaji menghubungi lapan orang informan yang telah dipilih melalui panggilan suara bagi mendapatkan persetujuan temubual. Proses seterusnya dilakukan melalui aplikasi WhatsApp. Informan yang terlibat turut diberikan kebebasan untuk menarik diri daripada menjadi sebahagian daripada kajian pada bila-bila masa sahaja tanpa perlu memberikan sebarang sebab penarikan diri.

#### *Pemerhatian*

Pemerhatian dalam penyelidikan kualitatif merupakan antara pendekatan paling asas dan tertua (Smit & Onwuegbuzie, 2018) yang melibatkan pengumpulan data menggunakan deria melalui penglihatan dan

pendengaran secara sistematik dan bermakna (McKechnie, 2008). Pengkaji mencatatkan pemerhatian yang dibuat ketika berada di kajian lapangan. Seterusnya, nota lapangan tersebut diubah kepada bentuk laporan bertulis dalam perisian Microsoft Word selepas sesi temubual bersama informan selesai dilaksanakan.

#### *Analisis Dokumen*

Analisis dokumen merujuk kepada prosedur sistematik yang digunakan oleh pengkaji untuk menyemak dan menilai bahan-bahan yang digunakan sebagai rujukan kajian sama ada dalam bentuk cetakan mahupun elektronik (Bowen, 2009). Pengkaji menggunakan kedua-dua kaedah pencarian untuk mencari bahan rujukan seperti jurnal dan buku yang berkaitan dengan kajian.

#### 4. Kaedah Analisis Data

Data dianalisis selepas temubual bersama informan telah dijalankan. Proses ini memerlukan pengkaji untuk menulis transkrip perbualan verbatim bersama kesemua informan terlibat. Transkrip verbatim merujuk kepada proses menghasilkan salinan penulisan yang tepat mengikut setiap bait-bait perkataan daripada data lisan informan yang akan diperoleh pengkaji (Poland, 1995).

Proses analisis data dilakukan secara manual melalui analisis tematik, dengan bantuan perisian komputer Microsoft Word. Objektif penggunaan analisis tematik adalah untuk mengenal pasti tema kajian iaitu pola dalam data yang diperoleh melalui temubual yang dilihat sebagai penting dan menarik (Maguire & Delahunt, 2017). Analisis data secara tematik melibatkan beberapa peringkat bermula daripada memahami data yang diperolehi, menghasilkan kod awal, mencari tema, menilai tema, mendefinisikan dan menamakan tema, dan seterusnya menulis laporan (Dawadi, 2020).

#### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan analisis data yang telah dijalankan. Dalam Kesemua peserta kajian diwakili dengan perkataan Pegawai Pelaksana 1, Pegawai Pelaksana 2, sehingga Pegawai Pelaksana 8 dalam penulisan ini. Bagi objektif kajian pertama, pengkaji mendapati bahawa terdapat lima cabaran menjalankan perusahaan agro dalam kalangan usahawan PAM, iaitu kepatuhan terhadap prosedur pelaksanaan, kekangan kewangan, ketidakstabilan harga pasaran, sikap dan peribadi usahawan, dan peluang pekerjaan lain. Bagi objektif kajian kedua pula, pengkaji mengenal pasti faktor pelindung luaran yang menyumbang kepada daya tahan usahawan PAM sebagai sokongan kerajaan, dan persekitaran keusahawanan yang positif, dan jaringan sosial. Sementara itu, faktor pelindung dalaman telah dikenal pasti sebagai minat dan kesungguhan.

##### 1. Cabaran Menjalankan Perusahaan Agro Dalam Kalangan Usahawan Program Agropreneur Muda

Adalah tidak mudah bagi seseorang usahawan untuk berjaya dalam menjalankan dan menguruskan perniagaan mereka terutamanya usahawan belia yang baru menceburi bidang ini. Pelbagai cabaran perlu mereka hadapi untuk berjaya dalam perniagaan yang sedang diusahakan. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa usahawan agro belia dalam PAM menghadapi lima (5) cabaran yang mereka hadapi dalam menjalankan perusahaan mereka dari perspektif pelaksana. Hal ini termasuklah prosedur dan kepatuhan, harga pasaran, kewangan, sikap dan peribadi usahawan, dan peluang pekerjaan lain.

##### *Kepatuhan terhadap Prosedur Pelaksanaan*

Kesemua informan bersetuju bahawa prosedur dan kepatuhan daripada PAM telah menjadi cabaran utama kepada usahawan agro belia. Mereka berkata bahawa terdapat banyak cabaran yang perlu usahawan agro belia lalui seperti keperluan untuk menghasilkan rancangan perniagaan, karenah birokrasi, kuota permohonan yang terhad, dan tidak mempunyai geran tanah untuk tujuan pertanian. Cabaran ini telah menyukarkan usahawan agro belia untuk terus berdaya tahan dalam menjalankan perusahaan mereka.

*“Ambik banyak. Yang datang dengan kita, mohon tu ramai. Kita bagi borang, kita cerita ok macam mana prosedur untuk mohon dan macam mana dia punya aa.. proses untuk nak mohon tu, kita terima borang lepas pada tu contoh daripada 10, mungkin 2 sahaja yang kita terima.”*

(Pegawai Pelaksana 1)

*“Kadang-kadang ada, kadang-kadang tak ada. Kalau tak ada yang mohon, dia (PAM) buka semua. Tapi kalau tiba-tiba ramai sangat yang mohon, mula dia akan cut. Okay jabatan pertanian banyak ni je. Perikanan banyak ni je.”*

(Pegawai Pelaksana 2)

*“Sebab kebanyakan kalau ikutkan tanah haram memang ramai. Ha.. sebab syarat pertama dia nak bergeran.”*

(Pegawai Pelaksana 7)

Petikan di atas menggambarkan situasi yang agak mencabar bagi usahawan belia PAM menjalankan perusahaan mereka kerana prosedur permohonan geran yang agak sukar untuk dipenuhi dan dipatuhi oleh usahawan yang ingin membuat permohonan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Komarek et al. (2020) yang mana, mereka mendapati bahawa antara lima risiko yang akan dihadapi oleh usahawan dalam bidang pertanian ialah risiko institusi. Risiko institusi merujuk kepada sesuatu perubahan yang dijana oleh institusi formal atau tidak formal terhadap sesebuah dasar atau peraturan (Harwood et al., 1999). Dalam konteks PAM, Jabatan Pertanian berfungsi sebagai sebuah institusi formal untuk menetapkan syarat permohonan geran yang memakan tempoh hampir 6 bulan hingga setahun untuk mendapatkan kelulusan permohonan geran. Tambahan pula, peserta mendapati bahawa prosedur seperti penyediaan rancangan perniagaan dan pemilikan geran tanah yang sah adalah sukar untuk dituruti.

#### *Kekangan Kewangan*

Berdasarkan maklumat enam daripada lapan orang informan, usahawan agro belia menghadapi cabaran kewangan yang ketara dalam kos pengeluaran dan operasi perusahaan. Kos tersebut termasuklah kos baja, racun, benih, teknologi, dan akses kepada tanah. Selain itu, usahawan pemula yang ingin memulakan atau mengembangkan perusahaan mereka sering mengalami kesukaran apabila modal sedia ada tidak mencukupi bagi pembelian peralatan dan bahan yang diperlukan perusahaan. Tanpa sokongan kewangan dan infrastruktur yang mencukupi, adalah sukar bagi usahawan agro belia untuk bersaing dan meningkatkan hasil mereka.

*“Perusahaan dia tu la. Melibatkan kos baja, racun, benih semua memang sangat ketara. Mana-mana. Tak kira la bawah Agropreneur Muda ke.. orang tua petani saya jumpa pergi kebun ke, yang kos tu memang sangat ketara.”*

(Pegawai Pelaksana 1)

*“Ada tu, yang tak cukup modal.”*

(Pegawai Pelaksana 3)

*“Kadang-kadang tu hok mari tu berminat tapi ada kekangan contohnya tak ada tanah ke, ha.. modal. Tapi modal fertigasi memang tinggi, tapi jabatan memang kita tak ada..”*

(Pegawai Pelaksana 6)

Sektor pertanian di Malaysia sangat bergantung terhadap bahan mentah import termasuklah baja, dan bahan kimia yang digunakan dalam pertanian seperti pestisida dan herbisida (Say, 2023). Bekalan input tempatan yang kurang dan tidak mencukupi menjadi salah satu faktor yang mendorong petani untuk terus bergantung kepada bahan mentah import menyebabkan kos input mereka lebih tinggi (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, 2021). Akses kepada kewangan adalah penting dalam menjamin kelangsungan sesebuah perusahaan. Hal ini disokong dengan kajian oleh Steinerowska-Streb dan Steiner (2014) yang mendapati bahawa akses kewangan mampu membantu perusahaan mengekalkan pelaburan yang mereka lakukan dan menjaga kebajikan pekerja mereka berbanding dengan usahawan yang tidak mempunyai akses



kepada kewangan. Oleh itu, pertumbuhan perniagaan adalah sukar untuk berlaku jika usahawan tidak mempunyai akses kewangan yang baik. Walau bagaimanapun, kajian oleh Ayu et al. (2021) mendapati bahawa usahawan muda dalam sektor pertanian dengan latar belakang pendidikan yang baik cenderung lebih berani mengambil risiko termasuklah risiko kewangan berbanding golongan yang lebih tua atau pernah mengalami kegagalan dalam perniagaan.

### *Ketidakstabilan Harga Pasaran*

Tiga daripada lapan informan bersetuju bahawa pemasaran merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh usahawan agro di bawah PAM. Hasil pertanian seperti madu kelulut dan cili cenderung untuk berlakunya fluktuasi dengan ketara. Walaupun harga produk atau hasil pertanian boleh mencapai paras yang tinggi dalam tempoh yang singkat, harga pasaran bagi hasil pertanian dan produk jualan sering kali berubah sama ada tinggi mahupun rendah. Hal ini akan menyebabkan pendapatan usahawan tidak menentu dan menghadapi kesukaran dalam memastikan keuntungan sentiasa konsisten.

*“Ha ya. Macam-macam mana pun terpaksa. Kalau in case kalau harga dapat 7 ringgit la satu, kiranya orang kata harga yang aa.. balik modal la bagi mereka. Kadang-kadang harga tu tak lama. Tempoh harvest tu sebulan, dalam tempoh sebulan 30 hari tu mungkin 3 hari je harga yang tinggi tu.”*

(Pegawai Pelaksana 1)

*“Hm..harga kebun. Kalau harga dalam 10 ringgit tu boleh la. Tapi cili pun paling-paling tu pun akan jatuh dalam 5 ringgit gitu la, macam timun semua kan.. timun ada 80 sen, seringgit kan. Macam tu lah .”*

(Pegawai Pelaksana 6)

*“Dia jalan walaupun harga RM150. Macam kelulut sekarang ni RM140 kan? Dulu RM200, RM250, RM300 kan masa mula-mula dulu kan? Masa jaga dulu. Dia memang main harga . Tapi dia boleh jual juga. Memang tak cukup pun sebenarnya.”*

(Pegawai Pelaksana 8)

Harga pasaran yang tidak konsisten telah menjejaskan pendapatan usahawan. Kajian yang dijalankan oleh Ishak et al. (2022) terhadap pekebun kecil sawit mendapati bahawa harga pasaran yang terlalu rendah dan tidak menentu mampu menjejaskan pendapatan mereka kerana tiada hasil pulang modal atau keuntungan yang diperolehi. Dapatan ini turut disokong dapatan kajian oleh Norasibah et al. (2014) yang mendapati bahawa harga pasaran yang tidak stabil dan rendah memerlukan intervensi kerajaan bagi membantu pekebun-pekebun kecil di seluruh Malaysia memperoleh pendapatan yang setaraf dengan aktiviti pertanian mereka.

### *Sikap dan Peribadi Usahawan*

Enam daripada lapan informan mengatakan bahawa usahawan agro belia menghadapi cabaran sikap dan peribadi yang sukar dielakkan untuk terus berdaya tahan dalam menjalankan perusahaan mereka. Cabaran peribadi dalam konteks pertanian merujuk kepada masalah khusus yang dihadapi oleh individu berkaitan dengan kesihatan manusia atau hubungan peribadi yang boleh memberi kesan kepada ladang atau isi rumah ladang (Komarek et al., 2020b).

*“Ya, takde bantuan baja ke? Contohnya takde bantuan anak pokok ke? Sikit-sikit mengharap. Mengharapkan bantuan. Ha.. tapi kalau orang yang dia betul-betul boleh fokus dan boleh orang kata.. maju ke depan, sekali kita bagi bantuan, benda tu akan dimanfaatkan dan akan seterusnya untuk berjaya la.”*

(Pegawai Pelaksana 1)

*“Kadang-kadang kena pindah, bercerai, apa semua. Jadi pindah, kadang-kadang keluar daripada Terengganu, keluar daripada daerah, jadi projek dia tinggalkan. Ada sesetengah kes tu dia bawa sekali, jadi kami akan maklum pada daerah atau negeri terlibat “peserta kami dah pindah, tolong pantau”. Tapi kalau yang dia pindah diri dia saja, barang kekal kat situ, jadi terbengkalai macam tu.”*

(Pegawai Pelaksana 2)

*“Dalam 4 orang. Yang ni dia kes dia, dia kes meninggal sorang, kalau di Setiu la.”*

(Pegawai Pelaksana 8)

Berdasarkan petikan temubual di atas, terdapat beberapa orang usahawan yang sering bergantung harap kepada bantuan daripada kerajaan sahaja untuk menjalankan perusahaan mereka. Petikan tersebut disokong oleh kajian yang dijalankan Awang et al. (2010) yang mendapati bahawa majoriti usahawan tani menjadikan bidang pertanian sebagai sumber pendapatan sampingan sahaja yang mana memerlukan sokongan daripada kerajaan. Kecenderungan usahawan untuk berpindah keluar daripada negeri atau daerah turut menimbulkan masalah apabila projek atau perusahaan yang diusahakan terbengkalai begitu sahaja tanpa pengganti yang mampu meneruskan projek atau perusahaan tersebut. Keadaan ini diperburuk lagi dengan ketiadaan pewaris atau pengganti setelah kematian penerima geran PAM. Kajian oleh Meinen-Dick et al. (2014) mendapati bahawa petani sering berhadapan dengan risiko individu yang berkaitan dengan risiko institusi seperti kes penceraian atau kematian yang akan mendorong kepada pengambilalihan tanah atau ternakan kerana undang-undang adat yang diamalkan.

#### *Peluang Pekerjaan Lain*

Tiga daripada lapan informan bersetuju bahawa antara cabaran yang dihadapi oleh usahawan agro belia melibatkan peluang pekerjaan lain yang menjanjikan pulangan yang lebih stabil dan gaji yang lebih tinggi.

*“Saya nampak sekarang ni ada 2 la. Satunya rezeki dia. Rezeki dia bermaksud dia dapat kerja lagi.”*

(Pegawai Pelaksana 2)

*“Yang tu yang tak aktif, dia dapat pekerjaan lain. Ada yang berhijrah, dia pergi ke negeri-negeri lain. Dapat pekerjaan kat luar kan? Kebanyakan macam tu la.”*

(Pegawai Pelaksana 4)

*“Ha dia dapat kerja lain, dia tinggal.”*

(Pegawai Pelaksana 7)

Petikan temubual di atas menunjukkan bahawa ramai usahawan agro belia mengambil keputusan untuk berhijrah ke negeri atau daerah lain bagi mencari dan mendapatkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya yang lebih baik. Tambahan pula, usahawan yang telah mendapatkan pekerjaan lain cenderung untuk meninggalkan bidang pertanian yang telah diusahakan dan terbengkalai begitu sahaja tanpa ada pengganti untuk menguruskan perusahaan tersebut. Hal ini turut menjadi cabaran kepada pegawai pelaksana apabila geran yang telah diberi dalam bentuk bantuan peralatan dan bahan yang diperlukan oleh usahawan untuk menjalankan perusahaannya dibiarkan begitu sahaja dan mendorong kepada berlakunya pembaziran sumber.

2. Faktor pelindung dalaman yang menyumbang kepada daya tahan usahawan Program Agropreneur Muda

Faktor pelindung dalaman memainkan peranan yang penting terhadap daya tahan usahawan dalam memahami dan menangani pelbagai cabaran ketika menguruskan dan menjalankan serta ingin mengembangkan perusahaan mereka. Faktor pelindung dalaman merupakan elemen yang wujud dalam setiap diri individu yang membentuk sebahagian daripada personaliti mereka. Faktor pelindung dalaman dalam kajian ini merujuk kepada minat dan kesungguhan yang dimiliki oleh usahawan PAM dalam menjalankan perusahaan agro yang seterusnya telah menyumbang kepada daya tahan usahawan.

#### *Minat*

Berdasarkan perspektif enam daripada lapan informan, minat yang mendalam dapat mendorong motivasi usahawan untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan. Minat merujuk kepada persetujuan terhadap diri sendiri dengan perkara yang berada luar daripada diri. Oleh itu, minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara bukan sahaja akan mendorong usahawan untuk merancang dan melaksanakan rancangan perniagaan dengan penuh komitmen, malah sebarang cabaran yang dihadapi dapat diatasi dengan mudah.

“Saya rasa tak ada halangan sebab kalau dia betul-betul berminat, dia akan buat rancangan perniagaan.”  
(Pegawai Pelaksana 4)

“Ha apa-apa minat la.”  
(Pegawai Pelaksana 6)

“Dia benda ni macam adalah macam aa.. perniagaan la. Yang betul-betul minat dan berkeupayaan, ha bukan untuk suka-suka la. Sebab ini adalah untuk menjana pendapatan.”  
(Pegawai Pelaksana 7)

Minat dalam konteks keusahawanan merujuk kepada keinginan dalaman individu atau kecenderungan hati bagi memenuhi keperluan hidup, menanggung risiko, mengembangkan perniagaan, atau mencipta perniagaan baru dengan keupayaan sendiri (Santoso, 2016). Terdapat dua petunjuk utama bagi menilai minat individu dalam keusahawanan iaitu seberapa banyak usaha individu tersebut yang berani untuk mencuba dan perancangan yang dibuat seperti pengurusan masa dan kewangan bagi tujuan perniagaan (Jalal, 2023). Menurut Suryadi et al. (2024), pengenalan faktor yang mempengaruhi minat golongan muda terhadap keusahawanan adalah perlu bagi mendalami isu ini.

### *Kesungguhan*

Secara umumnya, kesungguhan merujuk kepada sikap atau tindakan yang diambil oleh individu dalam mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Kesungguhan dalam kalangan peserta PAM terbukti melalui tindakan proaktif yang diambil oleh mereka iaitu projek dan pasaran yang telah dibangunkan dengan usaha sendiri sebelum memohon bantuan geran daripada PAM.

“Sebelum dia mintak ini, agropreneur muda ni, memang dia dah ada projek.”  
(Pegawai Pelaksana 4)

“Saya tengok satu inisiatif ataupun daya usaha diorang, diorang ni dah ada market sendiri.”  
(Pegawai Pelaksana 5)

Petikan di atas telah menggambarkan daya usaha mereka yang tinggi untuk berjaya dengan berusaha secara mandiri dan memastikan kelangsungan perniagaan melalui pendekatan yang berdikari dan berkesan. Menurut Imamudin et al. (2020), penentuan sendiri atau “*self-determination*” mampu memberi motivasi kepada individu untuk mengatasi sebarang halangan dengan memastikan bahawa pencapaian dalam proses penentuan nasib mereka adalah baik dan berterusan.

2. Faktor Pelindung Luaran yang menyumbang kepada Daya Tahan Usahawan Program Agropreneur Muda  
Faktor pelindung luaran diperoleh daripada persekitaran individu sebagai sokongan sosial seperti rakan, komuniti, dan keluarga (Jennings, 2003). Faktor pelindung luaran yang menyokong daya tahan yang ditemui dalam kajian ini dikenal pasti sebagai sokongan kerajaan dan persekitaran keusahawanan yang positif. Faktor luaran ini dapat membantu individu untuk kekal berdaya tahan dalam mengatasi sebarang jenis cabaran dalam menjalankan perusahaan. Sistem sokongan ini telah memperkukuh kemampuan usahawan PAM untuk menghadapi cabaran dalam bidang keusahawanan agro.

### *Sokongan Kerajaan*

Sokongan kerajaan merupakan antara faktor pelindung luaran yang menyumbang kepada daya tahan usahawan. Tujuh daripada lapan informan mengatakan bahawa bantuan geran sebanyak RM20,000 diberikan kepada peserta PAM yang layak bagi mengembangkan lagi perusahaan mereka. Geran ini telah membantu usahawan Agropreneur Muda dalam bentuk pembelian barangan perusahaan.

“Ya. Dengan cukup RM20,000 ribu tu, dia cari la. Barang apa dia nak.”  
(Pegawai Pelaksana 2)

*“Ya, dalam bentuk barang. Makna kalau contoh peserta dah lulus baru ada lantikan dari Putrajaya la. Dia ada surat lantikan pembekal benda-benda.”*

(Pegawai Pelaksana 3)

*“Sebab bantuan ni dia RM20,000 kebanyakan kita bagi dalam bentuk barangan la. Bukan barang habis. Bukan racun ke, baja, kita tak bagi gitu.”*

(Pegawai Pelaksana 8)

Sokongan kerajaan dalam penyediaan barangan yang relevan dan berguna kepada usahawan adalah sangat membantu dalam menjamin operasi perniagaan adalah stabil dan terus berkembang daripada perusahaan kecil kepada perusahaan yang lebih besar. Sokongan ini tidak hanya memberikan manfaat material, tetapi juga keyakinan dan motivasi kepada usahawan untuk terus berusaha dan berinovasi dalam menghadapi pasaran yang dinamik. Hal ini disokong dengan kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Aziz dan Norhlilmatus (2013) mendapati bahawa sokongan daripada kerajaan adalah penting terutamanya dalam menggalakkan belia menceburi bidang pertanian sebagai pilihan pekerjaan utama.

#### *Persekitaran Keusahawanan yang Positif*

Persekitaran keusahawanan yang positif sebagai faktor pelindung luaran adalah penting dalam meningkatkan daya tahan usahawan. Persekitaran keusahawanan yang positif merujuk kepada inisiatif keusahawanan oleh pelbagai pihak seperti penyediaan kursus, latihan, dan maklumat yang diperlukan usahawan bagi menjalankan perniagaan mereka.

*“Tapi apa yang kami boleh bantu, contoh kami akan survey contoh kedai mana yang ada jual barang yang diperlukan, kita akan maklumkan je.”*

(Pegawai Pelaksana 1)

*“Kursus, pertanian pun ada buat. Kita ada la kursus untuk peserta.”*

(Pegawai Pelaksana 3)

*“Ha macam kita ni, peringkat daerah ke negeri, jabatan kita ni memang kita fokus pun kita buat kursus. Ha contoh macam siapa nak datang sini nak buat ni, ok kita ada kursus untuk pengurusan tanah ke, usaha nak buat..”*

(Pegawai Pelaksana 6)

Daripada petikan di atas, didapati bahawa usahawan PAM berada dalam persekitaran yang positif dengan pegawai yang terlibat membantu usahawan memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan serta mengurangkan halangan terhadap akses kepada sumber bahan mentah. Persekitaran kerja yang positif dapat meningkatkan perilaku yang baik dan dapat meningkatkan kondisi kerja (Vischer, 2007). Dengan adanya persekitaran yang mendukung ini, usahawan lebih berkemampuan untuk berkembang dan mencapai kejayaan dalam usaha mereka.

#### *Jaringan Sosial*

Jaringan sosial merujuk kepada kegiatan yang melibatkan interaksi dan komunikasi interpersonal yang mampu mempengaruhi aktiviti ekonomi (Nur Hafidhzah et al., 2022). Jaringan sosial adalah penting bagi setiap usahawan untuk mengembangkan perusahaan dengan membina hubungan antara usahawan, pembekal, dan pengguna.

*“Orang tengah. Pihak tengah la. Dan jugak in case kalau berlaku lambakan la, orang tengah ni bukan sewenang-wenangnyanya letakkan harga murah.”*

(Pegawai Pelaksana 1)

“Peserta, dia ada group dia. Kalu dia tak boleh jual, member boleh jual, dia akan hello je. Buat mari sini barang.”

(Pegawai Pelaksana 8)

Berdasarkan dapatan temubual, peranan orang tengah sebagai perantara telah memudahkan usahawan dalam urusan jual beli. Dapatan ini disokong oleh kajian oleh Ahmad Rafli et al. (2016) di mana ia mendapati bahawa nilai ekonomi wujud daripada keupayaan orang tengah yang telah memudahkan aktiviti penawaran dan permintaan antara usahawan dan pembeli. Menurutnya lagi, orang tengah dapat membantu pekebun dengan memberikan tunai segera dan proses yang mudah berbanding urusan jual beli dengan pihak kilang.

### Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa usahawan belia agro di bawah PAM menghadapi lima cabaran utama dalam menjalankan perusahaan iaitu prosedur dan kepatuhan yang kompleks, ketidakstabilan harga pasaran, sikap kebergantungan terhadap bantuan kerajaan, dan peluang pekerjaan lain yang lebih menarik dan berpatutan. Cabaran tersebut telah menghambat usaha usahawan belia untuk kekal berdaya tahan dalam bidang agropreneur terutamanya di bawah PAM. Namun, faktor pelindung seperti motivasi diri, sokongan kerajaan melalui geran dan bantuan peralatan, persekitaran keusahawanan yang positif dengan kursus dan latihan, serta jaringan sosial yang kukuh telah menjadi elemen yang membantu mereka untuk berdaya tahan dalam menjalankan perniagaan mereka. Gabungan motivasi dalaman dan sokongan luaran yang kukuh memberi kekuatan kepada usahawan PAM untuk terus berdaya tahan dan berjaya dalam perusahaan agro mereka.

Kerajaan perlulah cakna terhadap cabaran yang dihadapi oleh usahawan muda agro tersebut supaya mereka lebih berdaya tahan pada masa hadapan terutamanya prosedur permohonan geran yang sukar dan mengambil masa yang lama untuk diproses. Sokongan yang berterusan kepada usahawan agro akan memberi manfaat besar kepada pembangunan ekonomi negara dan transformasi sektor pertanian. Walau bagaimanapun, usahawan muda agro terutamanya peserta PAM perlu berdaya saing dan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran yang bakal dihadapi dengan menyediakan perancangan perniagaan yang lebih teratur dan tidak cepat berputus asa. Usaha sama antara pelbagai agensi dalam memperkasakan sektor pertanian negara juga adalah wajar dikala negara terlalu bergantung kepada bekalan makanan mentah dari negara luar. Dengan inovasi dan teknologi moden dalam pertanian, negara boleh mengurangkan kebergantungan kepada import dan membangunkan sektor pertanian yang lebih maju dan mampan, sekaligus memastikan kestabilan bekalan makanan negara.

**Penghargaan:** Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelidik bersama, pembantu penyelidik dan semua responden yang terlibat. Penyelidikan ini adalah dibawah pembiayaan Talent and Publication Enhancement-Research Grant (TAPE-RG) oleh Universiti Malaysia Terengganu (Vot 55419).

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

### Rujukan

- Abdul, A.A., & Norhlilmatur, N.S. (2013). Factors That Influence the Interest of Youths in Agricultural Entrepreneurship. *International Journal of Business and Social Science*, 4(3), 288-302.
- Ahmad, R.C.O., Suraiya, I., Mohd, Y.H., Novel, L., & Abdullah, S.O. (2016). Orang tengah dalam rantaian pengeluaran pekebun kecil kelapa sawit di Malaysia: Satu penemuan awal dari Perak. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5), 161-170.
- Alireza, J., & Mastura, J. (2019). The Role of Proactiveness as a Mediator Between Organizational-Stakeholders Relationship and Smes Performance. *Journal of Southwest Jiaotong University*, 54(3), 1-11. <https://doi.org/10.35741/issn.0258-2724.54.3.24>
- Andrade, C. (2021). The Inconvenient Truth About Convenience and Purposive Samples. *Indian Journal of Psychological Medicine*, 43(1), 86-88. <https://doi.org/10.1177%2F0253717620977000>

- Asliza, Y., Noor Hazlina, A., & Hasliza, A.H. (2018). Unraveling agropreneurship activities among Malaysian Gen Y: Social institutional factors as enablers. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 25(3), 457-479. <https://doi.org/10.1108/IJEBR-07-2017-0213>
- Atikah, N.J., Armanurah, M., & Awanis, K.I. (2020a). Profile of Successful SMEs Young Agropreneurs at North Peninsular Malaysia: Descriptive Analysis. *Journal of Business Entrepreneurship and SMEs*, 2(4), 36-46. <http://dx.doi.org/10.35631/AIJBES.24004>
- Atikah, N.J., Armanurah, M., & Awanis, K.I. (2020b). Profile of Successful SMEs Young Agropreneurs at North Peninsular Malaysia: Descriptive Analysis. *Journal of Business Entrepreneurship and SMEs*, 2(4), 36-46. <http://dx.doi.org/10.35631/AIJBES.24004>
- Awang, A.H., Ishak, S., Hussain, M.Y., & Mohamad, A. (2010). Cabaran dan Sikap Usahawan dalam Skim Belia Tani. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 3, 88-110.
- Ayu, S.F., Iskandarini, & Fatoni, R.B.M.I. (2021). Factors affecting risk perception of young entrepreneurs in agricultural startup business. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 022055, <https://doi.org/10.1088/1755-1315/782/2/022055>.
- Bairwa, S.L., Lakra, K., Kushwaha, S., Meena, L.K., & Kumar, P. (2014). Agripreneurship Development as a Tool to Upliftment of Agriculture. *International Journal of Scientific and Research Publication*, 4(3), 1-4.
- Botou, A., Mylonakou-Keke, I., Kalouri, O., & Tsergas, N. (2017). Primary School Teachers' Resilience during the Economic Crisis in Greece. *Psychology*, 8(1), 131-159. <http://dx.doi.org/10.4236/psych.2017.81009>
- Bowen, G.A. (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Method*, 9(2), 27-40.
- Brunetta, G., Ceravolo, R., Barbieri, C.A., Broghini, A., Carlo, F., Mela, A., Beltrami, S., Longhi, A., Lucia, G., Ferraris, S., Pezzoli, A., Quagliolo, C., Satalata, S., & Voghera, A. (2019). Territorial Resilience: Toward a Proactive Meaning for Spatial Planning. *Journal of Sustainability*, 11(8), 1-17. <http://dx.doi.org/10.3390/su11082286>
- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory* (3rd ed.). Sage Publications.
- Dawadi, S. (2020). Thematic Analysis Approach: A Step by Step Guide for ELT Research Pratitioners. *Journal of NELTA*, 25(1-2), 62-71. <http://dx.doi.org/10.3126/nelta.v25i1-2.49731>
- Duchek, S. (2018). Entrepreneurial resilience: A biographical analysis of successful entrepreneurs. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 14(2), 429-455. <https://doi.org/10.1007/s11365-017-0467-2>
- Fergus, S., & Zimmerman, M. A. (2005). Adolescent resilience: A framework for understanding healthy development in the face of risk. *Annual Review Public Health*, 26, 399-419.
- Food and Fertilizer Technology Center for the Asian and Pacific Region. (2022, Mac 21). *Overview of the Agriculture Sector during the 11<sup>th</sup> Malaysian Development Plan (2016-2020)*. <https://ap.fftc.org.tw/article/3010>
- Garmezzy, N. (1991). Resilience in children's adaptation to negative life events and stressed environments. *Pediatric Annals*, 20(459-460), 463-466.
- Harniati, H., & Anwarudin, O. (2018). The Interest and Action of Young Agricultural Entrepreneur on Agribusiness in Cinajur Regency, West Java. *Jurnal Penyuluhan*, 14(2), 148-157. <http://dx.doi.org/10.25015/penyuluhan.v14i1.18913>
- Hawkins, J. D., Catalano, R. F., & Miller, J. Y. (1992). Risk and protective factors for alcohol and other drug problems in adolescence and early adulthood: Implications for substance abuse prevention. *Psychological Bulletin*, 112(1), 64-105.
- Hill, C. E., & Knox, S. (2021). *Essentials of consensual qualitative research*. American Psychological Association.

- Hoe, R.D. & Janssen, F. (2021). Re-creation After Business Failure: A Conceptual Model of the Mediating Role of Psychological Capital. *Frontiers in Psychology Journal*, 13, 1-10. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.842590>
- Imamudin, Budiman, N., & Suherman. (2020). Development of self-determination. In *Proceedings of the International Conference on Educational Psychology and Pedagogy - "Diversity in Education" (ICEPP 2019)* (pp. 118-120). Atlantis Press. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200130.094>
- Ishak, S., Che Omar, A.R., & Abdul Manaf, A. (2022). Faktor Mempengaruhi Pendapatan Sawit: Perspektif Pekebun Kecil. *Journal of Social Business and Humanities*, 19(6), 1-14. <http://dx.doi.org/10.17576/ebangi.2022.1906.01>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2023). *Laporan Statistik Tenaga Buruh*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jalal, N.M. (2023). Factors Affecting Students' Interest in Entrepreneurship. *Journal of Management and Business Intelligence (IJBMI)*, 1(3), 303-314. <https://doi.org/10.59890/ijmbi.v1i3.552>
- Jamshed, S. (2014). Qualitative research method-interviewing and observation. *Journal of Basic and Clinical Pharmacy*, 5(4), 87-88.
- Kelly, S. (2010). Qualitative interviewing techniques and styles. In: Bourgeault I, Dingwall R, de Vries R (eds) *The Sage Handbook of Qualitative Methods in Health Research*, Thousand Oaks: Sage Publications. Crossref.
- Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan. (2021). Isu dan Cabaran. *Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)* (pp. 37-57), Gogoprint.
- Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan. (n.d.). Malaysia Performance In GFSI 2022. *Ministry of Agriculture and Food Security Portal*. <https://www.kpkm.gov.my/en/gfsi-2022>
- Knott, E., Rao, A.H., & Teeger, C. (2022). Interviews in the social sciences. *Nature Review Methods Primers*, 2(73), 1-15. <https://doi.org/10.1038/s43586-022-00150-6>
- Komarek, A.M., De Pinto, A., & Smith, V.H. (2020a). A review of types of risks in agriculture: What we know and what we need to know. *Agriculture Systems*, 178, 1-10. <https://doi.org/10.1016/j.agry.2019.102738>
- Komarek, A.M., De Pinto, A., & Smith, V.H. (2020b). A review of types of risks in agriculture: What we know and what we need to know. *Agriculture Systems*, 178, 1-10. <https://doi.org/10.1016/j.agry.2019.102738>
- Maguire, M., & Delahunt, B. (2017). Doing a Thematic Analysis: A Practical, Step-by-Step Guide for Learning and Teaching Scholar. *Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 8(3), 1-14.
- McKechnie, L.E.F. (2008). Observational research. In Given L. M. (Ed.), *The Sage encyclopedia of qualitative research methods* (pp. 573-577). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Meinzen-Dick, R., Johnson, N., Quisumbing, A.R., Njuki, J., Behrman, J.A., Rubin, D., Peterman, A., Waithanji, E. (2014). *The Gender Asset Gap and Its Implications for Agricultural and Rural Development Gender in Agriculture*, Springer, pp. 91-116.
- Merriam, Sharan B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). John Wiley & Sons.
- Mujuru, J.T.R. (2014). Entrepreneurial agriculture for human development: a case study of Dotito Irrigation Scheme, Mt Darwin. *International Journal of Humanities and Social Science*, 4(4), 121-131.
- Mupfasoni, B., Kessler, A., & Lans, T. (2018). Sustainable agricultural entrepreneurship in Burundi: drivers and outcomes. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 25(1), 64-80. <https://doi.org/10.1108/JSBED-03-2017-0130>
- Napp, A.K. (2011). Financial risk management in SME. The use of financial analysis for identifying, analysing and monitoring internal financial risk. Master Thesis. Aarhus University.
- Nor Anna A'liah, M.N., Nik Rozana, N.M.M., & Mohd Khairul, H.M. (2015). Youth inclination towards agricultural entrepreneurship. *Economic and Technology Management Review*, 10, 47-55.
- Norasibah, A.J., Sharil @ Charil, H.M., Rohaila, Y., Hamidah, Y., Moor Al-Huda, A.K., Khalid, I., Khoo, Y.Y., Ahmad Zainal Abidin, A.R., Nek Kamal, Y.Y., & Norsamsinar, S. (2014). Status Ekonomi Pekebun Kecil Kelapa di Hilir Perak dan Perak Tengah. *Management Research Journal*, 3, 107-119.

- Nur Hafidhzah, N.H., Faradillah, I.Q., & Murni, Y.A. (2022). Jaringan Sosial dalam Kalangan Usahawan B40 di Selangor. *Journal of Contemporary Islamic Communication and Media*, 2(2), 126-140. <https://doi.org/10.33102/jcicom.vol2no2.68>
- Omona, J. (2013). Sampling in Qualitative Research: Improving the Quality of Research Outcomes in Higher Education. *Makerere Journal of Higher Education*, 4(2), 169-185.
- Ozbay F., Johnson D., Dimoulas E., Morgan C., Charney D., & Southwick S. (2007). Social support and resilience to stress: From neurobiology to clinical practice. *Psychiatry*, 4(5), 35-40.
- Percy, W. H., Kostere, K., & Kostere, S. (2015). Generic Qualitative Research in Psychology. *The Qualitative Report*, 20(2), 76-85.
- Peeters, E.R., Caniels, M.C.J., & Verbruggen, M. (2022). Dust yourself off and try again: the positive process of career changes or shock and career resilience. *Journal of Career Development International*, 27(3), 372-390. <https://doi.org/10.1108/CDI-06-2021-0143>
- Pramesti, P. & Prihastiwati, W.J. (2019). The Analysis of Resilience of Young Successful Entrepreneur. *Social Science, Education and Humanities Research*, 436, 6-11. <http://dx.doi.org/10.2991/assehr.k.200529.002>
- Rajaei, Y., Yaghoubi, J., & Donyaei, H. (2011). Assessing effective in development of entrepreneurship in agricultural cooperatives of Zanjan province. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 15, 1521-1525.
- Richardson, G.E.(2002). The metatheory of resilience and resiliency. *Journal of Clinical Psychology*, 58, 307-321.
- Ridzwan, R., Nik Muhammad, N.M., Ab Rahman, A.A. (2017). Issues and Challenges among Young Entrepreneurs in Malaysia. *Journal of Business and Management*, 19(3), 80-84. <http://dx.doi.org/10.9790/487X-1903028084>
- Saiki, O., Beane, G., Garriga, R.G., Avello, P., Ellis, L., Fisher, S., Leten, J., Ruiz-Apilanez, I., Shouler, M., Ward, R., & Jimenez, A. (2022). City Water Resilience Framework: A governance based planning tool to enhance urban water resilience. *Sustainable Cities and Society*, 77, 1-9. <https://doi.org/10.1016/j.scs.2021.103497>
- Santoso, S. (2016). *Entrepreneurship*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Say, T. (2023, Januari 30). Memahami masalah dalam sektor pertanian. *Malaysia Now*. <https://www.malaysianow.com/my/opinion/2023/01/30/memahami-masalah-dalam-sektor-pertanian>
- Shahrien, A.N.S, Fatin Umaira, M.A., & Suhana, I. (2024). Faktor Dorongan Penglibatan Belia dalam Keusahawanan di Daerah Kota Tinggi, Johor. *Journal of Social Science and Humanities*, 21(1), 468-480. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.40>
- Shean, M. (2015). Current theories relating to resilience and young people. *VicHealth*.
- Suryadi, I., Isma, A., & Diarra, S. (2024). Factors Influencing the Entrepreneurial Interest of the Young Generation: An Empirical Review on Student Entrepreneurs. *Journal of Business and Entrepreneurship Research*, 2(1), 11-26. <https://doi.org/10.62794/ijober.v2i1.1441>
- Siti Hajar, K., Jamiah, M., Haslinda, A., & Turiman S. (2016). Daya Tahan Belia: Pengaruh Hubungan Perapatan dalam Institusi Kekeluargaan. *Journal of Social Science and Humanities*, 2, 160-172.
- Siti Hajar, K., Jamiah, M., Fazilah, I., Haslinda, A., Turiman, S., & Nurliza, K. (2017). The Role of External Protective Factors on Young Entrepreneurs' Entrepreneurial Resilience: An Explorative Study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(7), 1-12.
- Steinerowska-Streb, I, & Steiner, A. (2014). An Analysis of External Finance Availability on SMEs' Decision Making: A case Study of the Emerging Market of Poland. *Thunderbird International Business Review*, 56(4), 373-386.
- Stuckey, H.L. (2016). Three types of interviews: Qualitative research methods in social health. *Journal of Social Health and Diabetes*, 1(2), 57-59.
- Tallaksen, J. (2021, March). What is Agricultural Resilience? University of Minnesota. <https://wcroc.cfans.umn.edu/about-us/wcroc-news/ag-resilience>



- Turner, M., & Holdsworth, S. (2023). Developing resilience: examining the protective factors of early career construction professionals. *Construction Management and Economics*, 41(10), 805-819.
- Vischer, J. C. (2007). The concept of workplace performance and its value to managers, 49(2), 62-79.
- Windle, G. (2011). What is resilience? A review and concept analysis. *Reviews in clinical gerontology*, 21(2), 152-169.
- Wolin, S. J., & Wolin, S. (1993). *The Resilient Self: How Survivors of Troubled Families Arise above Adversity*. New York: Villard Books.
- Wu, Y.G., & Rong, Z.Z. (2011). Regional entrepreneurial atmosphere and its working mechanism: An analysis framework of entrepreneurship at a population level. *Economic Theory and Business Management*, 5, 98–105.
- Xue, J. (2012). The Construction of Higher Education Entrepreneur Services Network System a Research Based on Ecological Systems Theory. *School of International Business*, 25, 1757-1760. <http://dx.doi.org/10.1016/j.phpro.2012.03.307>
- Zimmerman, M.A. (2013). Resiliency Theory: A Strengths-Based Approach to Research and Practice for Adolescent Health. *Health Education & Behavior*, 40(4), 381-383. <http://dx.doi.org/10.1177/1090198113493782>